

21 DISEMBER 2020 ( RABU )

### Makmal analisis pertanian pertama

Pahang tingkatan produktiviti hasil tanaman sawit negeri

Oleh NIK AMIRUL MU' MIN BIN NIK MIN

KUANTAN

**K**erajaan Pahang melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) mewujudkan sebuah makmal analisis pertanian bagi meningkatkan produktiviti hasil tanaman sawit di negeri ini.

Makmal yang beroperasi di Agro Resort Semuji, Gambang di sini dilengkapi peralatan saintifik dengan teknologi dari Amerika Syarikat.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, projek pembangunan makmal tersebut dimiliki sepenuhnya oleh LKPP Corporation Sdn Bhd dibangunkan pada pertengahan Ogos lalu memba-



Wan Rosdy (dua dari kanan) menyempurnakan gimik perasmian makmal analisis pertanian milik LKPP Corporation di Agro Resort Semuji, Gambang, Kuantan semalam.

bitkan kos RM1.2 juta dan mula beroperasi sepenuhnya pada 1 November lalu.

Menurutnya, idea pembangunan makmal analisis pertanian pertama di bawah kerajaan negeri itu selari dengan peningkatan keluasan ladang kelapa sawit kumpulan PKPP meliputi 80,000 hektar atau kira-kira 40

peratus daripada keluasan daerah Maran iaitu 199,559 hektar.

"Kewujudan makmal ini mampu memberikan perkhidmatan analisis kepada syarikat perladangan sawit di negeri Pahang khususnya.

"Fungsi utamanya untuk memberi sokongan teknikal kepada pihak agronomis dan per-

ladangan dalam pengurusan berkaitan baja.

"Berdasarkan hasil dari keputusan makmal ini, ia dapat membantu untuk meningkatkan produktiviti hasil tanaman sawit dan disertai dengan amalan pertanian yang baik," katanya pada sidang akhbar sempena majlis perasmian makmal analisis itu di Agro Resort Semuji, Gambang di sini semalam.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak; Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Pahang, Datuk Abdul Rahim Muda dan Ketua Pegawai Eksekutif LKPP, Datuk Suhaimi Mohd Yunus.

Wan Rosdy berkata, makmal yang dikendalikan seorang ahli kimia dan dibantu dua pembantu serta tiga juru analisis makmal itu berperanan dalam pengurusan syor pembajaan secara bersepadu untuk meningkatkan produktiviti hasil tanaman terutamanya tanaman sawit.

"Pada peringkat permulaan, fokus perkhidmatan yang dibekalkan ialah analisis sampel daun, tanah dan baja dengan

merujuk kepada kaedah Malaysia Standard (MS) daripada Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

"Makmal ini mampu menjalankan analisis ke atas 5,000 sampel daun, tanah dan baja dalam tempoh setahun. Antara khidmat yang ditawarkan merangkumi analisis daun dan tanah untuk menentukan jenis dan kadar baja yang sesuai untuk tanaman sawit," katanya.

Selain itu, beliau berkata, hasil analisis daripada makmal itu turut digunakan untuk memantau kualiti baja.

Katanya, ia merangkumi analisis sampel baja bagi memastikan tahap kualiti yang dibekalkan kepada pihak ladang adalah mengikut piawaian dan perkhidmatan umum termasuk analisis daun dan tanah dalam menentukan tahap keperluan nutrien tanaman.

"Saya berharap, perkhidmatan ini juga dapat menyumbang kepada peningkatan hasil pendapatan industri sawit terutamanya di negeri Pahang," katanya.